

PROGRAM **Pekerja Migran Indonesia Di Malaysia** PEMBANTU RUMAH



Di Bawah  PROGRAM **KHIDMAT IMIGRAN**®

Fasilitator program



Diurus selia dengan kerjasama



Dikuasakan oleh



Ini program apa?

Program Pembantu Rumah Asing (PRA) memenuhi keperluan tenaga kerja Malaysia melalui kerjasama antara Sekretariat Program Khidmat Imigran dan sebuah syarikat Indonesia yang menyediakan aplikasi digital untuk pengurusan pekerja.

Dengan ANGKASA sebagai fasilitator, program ini memastikan hanya penjawat awam yang layak dapat menikmati perkhidmatan ini. Melalui skim pinjaman khas, majikan dikecualikan daripada kos kemasukan, sementara platform digital memudahkan proses pengurusan pembantu rumah

Siapa yang kelolakan?

SEKRETARIAT PROGRAM KHIDMAT IMIGRAN (SPKI)



Sekretariat Program Khidmat Imigran (SPKI) telah menguruskan kebajikan warga asing di Malaysia sejak 2010. Selama lebih 14 tahun, SPKI menangani isu kebajikan, khususnya untuk Pekerja Migran Indonesia (PMI), dengan menyediakan perkhidmatan asas seperti insurans, khairat kematian, pengurusan kewangan dan kaunseling.

SPKI turut bekerjasama dengan entiti-entiti yang pakar dalam bidang masing-masing bagi menyokong pelaksanaan program ini bagi memastikan:

1. Pekerja / Pembantu Rumah yang direkrut berkualiti dan mahir dalam bidang yang diperlukan oleh majikan.
2. Kos pengambilan pekerja / Pembantu Rumah yang mampu milik dan skim pinjaman dengan kadar rendah.
3. Kontrak kerja yang lebih telus dan pengurusan yang lebih profesional, sistematik dan efisien.
4. Kemudahan khusus untuk majikan daripada kalangan penjawat awam untuk melancarkan proses pengambilan pembantu rumah dengan Skim Potongan Gaji Angkasa (SPGA)



Kenapa berurusan dengan kami?



BERPENGALAMAN



**BOLEH
DIPERCAYAI**



CEKAP



**KOS
MAMPU MILIK**

Manfaat kepada majikan?



KOS MAMPU MILIK

Majikan hanya menanggung kos pengurusan di Malaysia SAHAJA sebanyak RM8,000.00.



PEKERJA BERKUALITI

Pekerja telah diberikan latihan khusus mengikut kemahiran masing-masing.



PLATFORM DIGITAL

Kemudahan platform digital bagi permohonan pekerja, data peribadi pekerja dan platform aduan / konsultasi.



KEBAJIKAN PEKERJA TERJAMIN

Kebajikan pekerja terjamin dengan adanya pusat aduan pelbagai isu imigran dan imigresen serta insurans/khairat kematian



KEMUDAHAN PENGURUSAN KEWANGAN

Majikan tak perlu risau, pekerja telah dibekalkan e-wallet dan Kad Prabayar VISA untuk penerimaan gaji dan kiriman wang.



TELUS & PROFESIONAL

Kami pastikan majikan akan menerima kontrak yang jelas dan telus. Segala proses dikemaskini dari semasa ke semasa.



KEMUDAHAN PINJAMAN

Kemudahan pinjaman untuk Penjawat Awam yang layak dengan kadar faedah serendah 4.85%.



SKIM POTONGAN GAJI ANGKASA (SPGA)

Skim Potongan Gaji ANGKASA (SPGA), majikan dari kalangan penjawat awam dapat mengurus pembayaran gaji dengan lebih mudah dan efisien.

Terma & syarat

1. Skop kerja Pembantu Rumah Asing (PRA)

Hanya dibenarkan menjalankan kerja rumah seperti membersihkan, memasak, menjaga anak, atau menjaga warga emas dalam satu rumah tangga.

2. Tempoh kontrak PRA

Tempoh kontrak adalah 2 tahun dan boleh dilanjutkan dalam tempoh 3 bulan sebelum kontrak tamat.

3. Berapa umur minimum dan maksimum bagi PRA

PRA harus berumur antara 21 hingga 45 tahun dan lulus pemeriksaan kesihatan FOMEMA.

4. Tanggungan kos perjalanan

Kos perjalanan dari negara asal ke Malaysia ditanggung oleh PRA, manakala kos balik ke negara asal selepas tamat kontrak ditanggung oleh majikan.

5. Tanggungan kos levi Kerajaan

Kos pembayaran proses levi kerajaan, visa pekerjaan dan lain-lain fi berkaitan adalah di bawah tanggungan majikan. Kos ini tidak boleh dipotong daripada gaji PRA atau PRA di arah untuk membayar kepada mana-mana agensi.

6. Waktu bekerja

Waktu bekerja PRA adalah 8 jam sehari atau maximum 45 jam seminggu. Sebarang penambahan waktu bekerja/kerja lebih masa adalah atas budibicara dan persetujuan majikan dengan.

7. Gaji minimum

Gaji minimum adalah RM1,500.00 sebulan dan mesti dibayar terus ke akaun d-Kocek PRA.

8. Cuti tahunan

PRA berhak mendapat 8 hari cuti tahunan berbayar setiap tahun.

9. Gantian PRA

penggantian boleh dilakukan dalam tempoh 3 hingga 6 bulan jika FDH tidak sesuai atau melarikan diri.

10. Penamatan kontrak

Majikan boleh menamatkan kontrak jika FDH tidak menjalankan tugas selama lebih 2 hari berturut-turut tanpa sebab munasabah atau melanggar syarat kontrak.

Mohon sekarang!

PENDAFTARAN ONLINE

Imbas kod QR



No. Telefon
K-Imigran® Apps

Muat turun dan daftar sebagai pengguna untuk dapatkan Wallet ID



Hubungi kami



AGENSI PEKERJAAN TQM WORKFORCE SDN BHD
(Co. No. 449339-H) (JTKSM 1045)

Ibu Pejabat

No.2, Jalan Merdeka Jaya 42, Taman
Merdeka Jaya, 75350 Melaka

06 317 0062 tqmadmin@tqmagency.com

Pejabat Wilayah

C-1-2, Setiawalk Persiaran Wawasan,
Pusat Bandar Puchong, 47160 Puchong,
Selangor